

31/08/2001

Sistem lebih baik akan ganti kapitalisme: Dr M

PETALING JAYA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin sistem sosio ekonomi dunia yang berteraskan kapitalisme sekarang akan digantikan dengan sistem yang lebih baik apabila masyarakat dunia menyedari keburukannya.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, sebarang perubahan kepada sistem sosio ekonomi akan menyebabkan masyarakat dunia, khususnya rakyat dunia kedua dan ketiga terpaksa menanggung kesan yang terlalu berat.

Beliau berkata, perubahan daripada sistem feudalisme kepada republik, komunisme dan seterusnya kapitalisme menyebabkan kehilangan berjuta-juta nyawa serta kerosakan harta benda, selain peperangan dunia.

"Saya yakin dalam masa 50 tahun akan berlaku perubahan lagi menjurus kepada keadaan lebih baik. Masalahnya, apakah kos perubahan itu nanti," katanya pada Forum Jamuan Tengahari Bersama Perdana Menteri, Persatuan Oxford dan Cambridge Malaysia, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, perubahan sistem sosio ekonomi tidak semestinya membawa kebaikan, selagi ada pihak yang mem-pergunakannya untuk kepentingan diri mereka saja tanpa memperdulikan pihak lain.

Perdana Menteri berkata, sebab itulah Malaysia menentang sebarang paksaan terhadap negara membangun oleh kuasa besar yang mahu seluruh dunia menerima konsep globalisasi yang hanya menguntungkan mereka.

Dalam ucapannya selama setengah jam itu, Dr Mahathir turut membidas pedagang mata wang yang menyebabkan kehancuran ekonomi banyak negara membangun serta kesengsaraan rakyat negara terbabit hanya kerana keuntungan yang tidak seberapa.

Katanya, perdagangan mata wang adalah sesuatu yang mengarut kerana wang bukan komoditi tetapi kertas yang dicetak dengan angka dan hanya bernilai jika kerajaan sesebuah negara itu mampu menjaminnya.

"Wang kertas tidak ada nilai tetapi pedagang mata wang percaya ia ada nilai seperti komoditi dan mereka perdagangkan angkanya di kaca TV dan menyebabkan orang percaya angka itu mempunyai nilai.

"Wang ini ada 11 angka sifar dan satu angka lima iaitu 500 bilion dinar. Ketika dicetak nilainya bersamaan 12 sen Amerika, tetapi kini ia tidak bernilai apa-apa pun," katanya menunjukkan wang kertas Yugoslavia.

(END)